

DATE: 22/10/2007

# PM gembira misi berjaya

UM - 22/10/2007

**Bagi Sheikh Muszaphar dia berjaya dalam misi itu. Bagi kerajaan ia satu kejayaan yang besar bagi satu projek pertama yang penting**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR** 21 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merakamkan rasa gembira dan syukur kerana misi sulung angkasa lepas Malaysia mencapai matlamat yang dirancangkan.

Katanya, beliau bersyukur kepada Allah kerana angkasawan Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha selamat menjalankan misinya dan selamat kembali ke bumi, sekali gus berjaya melaksanakan tugas yang diharapkan dalam misi pertama negara.

"Bagi Sheikh Muszaphar dia berjaya dalam misi itu. Bagi kerajaan ia satu kejayaan yang besar bagi satu projek pertama yang penting," kata Abdullah ketika dihubungi *Bernama* malam ini sejurus selepas kapsul Soyuz TMA-10 yang membawa Sheikh Muszaphar dan dua Kosmonaut Rusia mendarat di Arkylk, Kazakhstan, kira-kira 1,500km dari Moscow pada pukul 6.37 petang waktu Malaysia.

Abdullah berkata baginya kejayaan misi itu memberikan rakyat Malaysia satu keyakinan yang besar, bahawa segala rancan-

gan Malaysia di masa depan dapat dijayakan.

"Ia memberikan kita satu keyakinan untuk meneruskan rancangan kita dan untuk menjayakan apa jua program yang kita atur. Ia satu kejayaan bersejarah bagi negara yang akan sentiasa dihargai oleh rakyat," katanya.

Kejayaan itu sekali gus memberi inspirasi kepada anak muda dalam negara untuk membabitkan diri dalam bidang sains angkasa, kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata, kejayaan Sheikh Muszaphar akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh negara dan beliau akan dibawa ke beberapa tempat untuk bertemu kumpulan tertentu bagi memberi penerangan, penjelasan dan pengisahan perjalanannya sepanjang program angkasa itu sebagai sumber inspirasi untuk membakar semangat rakyat menceburi bidang sains angkasa.

Katanya, kerajaan mahu pembabitan Sheikh Muszaphar dalam bidang sains angkasa lepas dirancang dan disusun dengan baik, dan mungkin juga ia digunakan

nanti untuk membuat persediaan bagi peringkat berikutnya.

Beliau berkata, antara rancangan seterusnya mungkin membabitkan usaha menghantar seorang lagi angkasawan mengikuti misi berikutnya, yang akan ditentukan kemudian.

Abdullah berkata, kejayaan misi program angkasa lepas pertama ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat serius dalam rancangan tersebut.

"Bukanlah kerja kita untuk melancong atau untuk melihat Bumi dari angkasa lepas. Tujuan kita jauh lebih besar iaitu untuk menjalankan penyelidikan, dan hasil penyelidikan kita itu amat dinantikan oleh negara-negara Eropah dan Jepun.

"Ini langkah permulaan kita yang boleh

dianggap satu percubaan yang besar dan yang berjaya dilaksanakan oleh seorang rakyat Malaysia yang berkelayakan," kata Abdullah.

Dr. Sheikh Muszaphar adalah seorang angkasawan, katanya.

Perdana Menteri seterusnya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam program sulung angkasa lepas itu, terutama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta agensi-agensi yang lain.

"Ini satu kejayaan bersejarah bagi negara kita. Satu penghargaan kepada rakyat kita dan diharapkan ia akan menimbulkan minat kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang sains angkasa," katanya.

- Bernam